

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2015

SOALAN :

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa selain daripada Pejabat Pos dan Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya, hanya ketua-ketua kampung yang dilantik oleh Kerajaan Barisan Nasional dibenar mendaftarkan pengundi-pengundi baru.

JAWAPAN : YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan mengenai Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hanya melantik ketua-ketua kampung yang dilantik oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk mendaftarkan pengundi-pengundi baru adalah **tidak benar**. SPR sentiasa terbuka untuk mempertimbangkan permohonan untuk melantik Penolong Pendaftar Pemilih di kalangan wakil jabatan Kerajaan, wakil pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan wakil universiti. Walau bagaimanapun, setiap permohonan yang dibuat hendaklah selaras dengan kategori pelantikan Penolong Pendaftar Pemilih yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pelantikan Penolong Pendaftar Pemilih Untuk Membantu SPR Dalam Urusan Pendaftaran Pemilih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah Penolong Pendaftar Pemilih yang masih sah pelantikannya sehingga bulan September 2015 adalah sebanyak **11,837 orang**. Ia terdiri daripada Penolong Pendaftar Pemilih yang dilantik di kalangan wakil parti politik, wakil jabatan Kerajaan, wakil pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan wakil universiti.

Sekian. Terima kasih.